

# LHDNM Pentadbir Cukai Terunggul

Oleh JUNAIDAH AHMAD GHAZALI

**LEMBAGA** Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) telah banyak memacu transformasi dan inovasi dalam pentadbiran cukai di Malaysia. Hasil negara yang datanginya daripada hasil cukai langsung dan tidak langsung merupakan penyumbang terbesar kepada pendapatan negara. Fungsi LHDNM amat penting dan signifikan sebagai pentadbir kutipan cukai langsung negara. Kepentingan dan signifikasinya cukai langsung kepada ekonomi negara amat besar kerana hasil cukai yang dikutip dapat digunakan untuk menampung perbelanjaan negara dan dipulangkan kepada rakyat dalam bentuk subsidi, fasiliti, pakej bantuan dan sebagainya.

Baru-baru ini, sidang editor *Dewan Ekonomi* (DE) yang diketuai oleh Ketua Editor Majalah, Haji Razali Che Mat, berkesempatan mengadakan kunjungan ke Menara Hasil Cyberjaya yang menjadi ibu pejabat LHDNM. Lazimnya LHDNM amat "digeruni" oleh pembayar cukai yang culas dan "lari" daripada melunaskan amanah mereka sebagai rakyat yang bertanggungjawab kepada negara. Sebaliknya bagi pembayar cukai yang amanah sebagai "wira" negara, masing-masing menanti saat untuk mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) bermula pada Mac lalu.



**Dato' Sri Dr. Sabin Samitah**

Ketua Pegawai Eksekutif  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Kunjungan sidang editor DE ke LHDNM adalah bertujuan untuk memenuhi janji temu bagi mewawancara Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM, Dato' Sri Dr. Sabin Samitah. Kehadiran kami disambut mesra oleh beliau dan beberapa orang pegawai kanan LHDNM, khususnya daripada Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif dan Bahagian Komunikasi LHDNM.

Sebagai sebuah agensi di bawah Kementerian Kewangan Malaysia, LHDNM sentiasa mahu memastikan kutipan cukai langsung meningkat saban tahun untuk menampung pendapatan negara. Untuk itu, LHDNM amat komited dan konsisten dengan memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pembayar cukai, manakala setiap dasar dan strategi yang dirancang adalah semata-mata untuk pembangunan negara dan kemakmuran rakyat.

Menurut Dato' Sri Dr. Sabin, sejak dahulu lagi, keutamaan LHDNM adalah untuk meningkatkan kecekapan pemungutan cukai. Usaha berterusan ini telah memberikan hasil yang cemerlang pada tahun 2019 dengan merekodkan kutipan tertinggi dalam sejarah kutipan cukai negara, iaitu sebanyak RM145.110 bilion. Kutipan ini mencatatkan peningkatan RM8.076 bilion atau 5.89 peratus berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun lalu.

Tambah beliau, prestasi cemerlang kutipan hasil negara ini dipengaruhi beberapa faktor, iaitu pertumbuhan ekonomi negara pada tahun 2019 berbanding dengan tahun 2018; keberkesanan strategi teras percukaian dan peningkatan tahap pematuhan pembayar cukai di seluruh negara; pemantapan organisasi menerusi penerapan empat prinsip kecemerlangan, iaitu kepimpinan dan kompetensi, penerapan budaya kerja positif, proses kerja terancang dan struktur organisasi yang tersusun; kecekapan pegawai LHDNM itu sendiri yang sentiasa mengatur tugas masing-masing dari awal dan merangka perancangan secara teratur agar segala kes dan isu-isu percukaian dapat diselesaikan dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Berdasarkan kecekapan LHDNM, kutipan hasil cukai negara yang masih kekal sebagai penyumbang utama pendapatan kerajaan, pihak

Kementerian Kewangan telah menetapkan sasaran kutipan cukai LHDNM bagi tahun 2020 sebanyak RM154.676 bilion yang merupakan peningkatan sebanyak lima peratus berbanding dengan RM147.639 bilion yang disasarkan pada tahun lalu. Hal ini membuktikan betapa tingginya kepercayaan pihak kerajaan terhadap kredibiliti dan kemampuan LHDNM bagi memenuhi sasaran yang ditetapkan oleh kerajaan, serta menjalankan fungsi utama sebagai pentadbir cukai negara.

"Ukuran prestasi LHDNM tidak terhad kepada kejayaan mengutip cukai langsung semata-mata. LHDNM juga merupakan agensi yang telah diamanahkan oleh Kementerian Kewangan sebagai pelaksana Bantuan Sara Hidup (dahulunya dikenali sebagai Bantuan Rakyat 1 Malaysia). LHDNM telah pun melaksanakan tugas ini dengan baik sejak tahun 2012. Pada tahun 2019 sahaja, sebanyak 5 124 355 bilangan permohonan telah diterima dan diproses, manakala sejumlah 3 853 260 telah diluluskan," ujar Dato' Sri Dr. Sabin.

Sementara itu, mengulas perihal tahap kecekapan LHDNM sebagai pemungut cukai langsung di Malaysia jika dibandingkan negara lain, Dato' Sri Dr. Sabin berkata, negara di sekitar Malaysia mempunyai sistem percukaian yang agak berbeza daripada Malaysia. Umpamanya negara jiran mengenakan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST), manakala Malaysia pula ada sistem Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST).

Selain itu, GST di negara jiran pula ditadbir oleh pentadbir cukai langsung di negara masing-masing, manakala di Malaysia SST ditadbir oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia. Oleh yang demikian, perbandingan kecekapan pelaksanaan pemungutan cukai antara negara agak subjektif.

Setiap negara mempunyai cabaran yang tersendiri bagi mengurus percukaian masing-masing. Pemahaman yang jelas berkenaan senario percukaian di sesebuah negara amat penting agar setiap perancangan yang dilaksanakan benar-benar memberikan hasil yang diinginkan. Bagi LHDNM yang bertindak sebagai agensi pemungut hasil utama kerajaan, mereka tiada pilihan selain bergerak secara



dinamik dan proaktif untuk mendepani semua cabaran terutamanya cabaran ekonomi.

“Strategi penguatkuasaan berkonsepkan *payment thinking* akan dilaksanakan bagi mendapatkan potensi bayaran. Pemantauan berterusan akan dilaksanakan secara susulan atau *“follow up follow through”* bagi semua kes percukaian. LHDNM juga sentiasa merangka strategi bagi memudahkan pematuhan dan pada masa yang sama, menyukarkan ketidakpatuhan cukai. Sebagai contoh, dalam tempoh program reformasi cukai, iaitu Program Khas Pengakuan Sukarela (PKPS) yang telah bermula pada 3 November 2018 dan berakhir pada 30 September 2019, pembayar cukai yang selama ini gagal melaporkan pendapatan

mereka dapat hadir menyelesaikan isu percukaian mereka dan LHDNM tidak akan mengaudit atau menyiasat segala pelaporan mereka,” terang beliau lagi.

Menurut beliau lagi, program PKPS ini telah memberikan impak yang positif kepada kerajaan apabila sebanyak 286 428 pembayar cukai telah tampil membuat pengakuan sukarela yang melibatkan jumlah cukai sebanyak RM7.877 bilion. Program ini juga berjaya menarik sebanyak 11 176 pembayar cukai baharu ke dalam jaringan cukai LHDNM. Melalui PKPS, sasaran pembesaran asas cukai telah dicapai kerana kes-kes kegagalan melaporkan pendapatan dapat dibendung dan secara

keseluruhannya dapat meningkatkan tahap pematuhan cukai dalam kalangan pembayar cukai.

Sehubungan dengan itu, LHDNM juga merangka strategi bagi memudahkan urusan pembayar cukai dengan kemudahan perkhidmatan dalam talian yang turut disediakan kepada mereka, iaitu ezHASIL seperti e-filing, iaitu pengemukaan BNCP secara dalam talian; ByrHasil yang membolehkan pembayar cukai membuat bayaran secara dalam talian di bank terpilih dan EFT, yakni pembayaran balik cukai terus ke akaun pembayar cukai melalui kaedah *electronic fund transfer*.

Isu percukaian ekonomi digital merupakan cabaran yang perlu dihadapi oleh semua pentadbir cukai, terutama dalam penentuan hak mengenakan cukai ke atas pendapatan yang dijanakan oleh syarikat gergasi yang memonopoli perniagaan alam maya. Isu penentuan hak ini perlu diberi perhatian secara lebih teliti kerana dengan kekurangan data yang berkaitan dengan modus operasi sebenar syarikat gergasi ini, Malaysia berkemungkinan akan kehilangan hak percukaian.

“Isu mengurus percukaian bagi ekonomi bayangan turut akan menjadi keutamaan LHDNM pada masa ini. Ekonomi bayangan merupakan *underground economy* atau dikenali sebagai ekonomi bawah tanah yang sering dikaitkan dengan perniagaan tidak berdaftar, tiada lesen dan tidak membuat pengisytiharan cukai. Situasi ini mengakibatkan ketirisan hasil yang tinggi yang jelas merugikan negara,” katanya lagi.

Di Malaysia, saiz ekonomi bayangan dianggarkan sekitar 21 peratus daripada nilai Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan transaksi perniagaan ini melibatkan pendapatan terkurang lapor, pendapatan yang tidak dilaporkan, pengubahan wang haram, dan sebagainya. Aktiviti ekonomi digital dan ekonomi bayangan ini memberikan kesan besar terhadap jurang cukai (*tax gap*), iaitu hasil negara tidak dapat dikutip secara optimum. Hal ini menyebabkan dana yang boleh dibelanjakan oleh kerajaan untuk kesejahteraan rakyat tidak akan mencukupi.

“Satu lagi cabaran bagi LHDNM sebagai pentadbir cukai ialah tumpuan terhadap kes-kes individu yang memiliki kekayaan luar biasa dan terlibat dengan pengelakan cukai secara terancang dan agresif seperti pengubahan wang haram di wilayah *tax havens*. Kes sebegini secara langsung telah menyumbang kepada ketirisan hasil negara yang amat serius,” jelas Dato’ Sri Dr. Sabin.

Untuk menangani isu sedemikian, LHDNM menerusi Pelan Transformasi Hasil akan memanfaatkan sepenuhnya teknologi daya raya atau *big data* yang merupakan komoditi utama bagi mengesan pembayar cukai yang tiada dalam jaringan percukaian negara. Pengaplikasian teknologi data raya (*Hasil Power Data*) boleh menyeragamkan maklumat pembayar cukai yang diperoleh daripada pelbagai sumber dengan hanya satu klik sahaja.

Di samping itu, proses pengumpulan dan pengurusan dalam *data warehouse* akan ditambah baik kemampuannya oleh LHDNM bersesuaian dengan pembangunan *Big Data and Advanced Data Analytics*. Penggunaannya membolehkan keputusan dibuat dengan lebih efektif ke arah meningkatkan kutipan cukai. *Hasil Power Data* akan digunakan untuk mengkaji gelagat pembayar cukai, trend kutipan hasil dan trend pematuhan cukai.

Dari aspek yang lain pula, cabaran yang perlu didepani oleh LHDNM untuk mengaplikasikan Transformasi Hasil ialah bilangan pemilik akaun yang mempunyai isu percukaian yang masih belum dikenal pasti. Hal ini demikian kerana LHDNM hanya memperoleh maklumat asas berhubung pemilikan akaun pembayar cukai hasil daripada perkongsian maklumat di bawah inisiatif Pertukaran Maklumat Secara Automatik (AEOI), yakni maklumat yang diperoleh ini tidak mempunyai data secara terperinci punca wang tersebut diperoleh.

Dalam hal ini, hanya pemilik akaun sahaja yang mengetahui sama ada wang di dalam akaun bank ini berpunca daripada pendapatan yang dijanakan di Malaysia ataupun tidak. Kekangan yang akan timbul di sini ialah pelaporan cukai bergantung pada pembayar cukai itu sendiri, sama ada mahu tampil secara

sukarela dan melaporkan perkara sebenar kepada pentadbir cukai ataupun sebaliknya. Oleh itu, jaringan kerjasama dan pertukaran maklumat antara agensi kerajaan sedang giat ditingkatkan bagi menangani masalah ketirisan hasil negara.

Sehubungan dengan itu, dari aspek strategi pemantapan polisi, perundangan dan dasar, LHDNM akan memperkasakan platform penyampaian undang-undang percukaian menerusi inisiatif Konsultasi Awam (*Public Consultation*) dan platform maya bagi memastikan keseragaman layanan cukai dan mewujudkan sistem penyampaian yang efisien, konsisten dan pantas.


Pendekatan yang diambil dalam interpretasi undang-undang dan pentadbir cukai termasuklah (1) Jika undang-undang adalah jelas - maka menjadi tanggungjawab LHDNM untuk menguatkuasakannya; (2) Jika undang-undang membawa akibat yang tidak dikehendaki, luar daripada kebiasaan, atau kos pematuhan yang tinggi yang tidak selaras dengan kehendak dasar, maka adalah menjadi tanggungjawab LHDNM untuk memberikan nasihat kepada kerajaan/penggubal undang-undang, tanpa mengira sama ada undang-undang sedia ada memihak kepada pembayar cukai ataupun kerajaan; (3) Sekiranya undang-undang membawa pelbagai pentafsiran, maka pentafsiran yang paling hampir dengan kehendak dasar hendaklah diguna pakai; (4) Semasa memberikan cadangan dasar, perspektif dari sudut ke atas kos pentadbiran dan pematuhan, serta cadangan bagaimana kesan buruk boleh dikurangkan, boleh diberikan; dan (5) Memastikan undang-undang baharu dilaksanakan secara cekap dan berkesan melalui perkongsian dengan profesional, perwakilan dan badan industri serta perbendaharaan.

Menurut Dato' Sri Dr. Sabin, dalam hal ini, penubuhan pasukan litigasi yang mantap dan pemakaian kes undang-undang akan dikendalikan dengan penuh dedikasi, integriti, komitmen yang tinggi dan profesionalisme oleh peguam hasil ketika pengendalian kes di mahkamah. Jabatan Undang-undang (JUJ) LHDNM diberi tanggungjawab untuk sentiasa



memastikan peguam kanan hasil benar-benar kompeten dan menjadi peguam utama bagi semua kes berprofil tinggi, agar kes-kes tersebut dapat memberikan hasil yang positif kepada kutipan hasil negara.

"Pengurusan LHDNM juga akan memastikan setiap cawangan mematuhi Arahan Teknikal yang berkaitan dengan pengendalian Borang Q (Borang Rayuan Cukai) secara teratur, mengikut tempoh yang ditetapkan dan setiap taksiran yang dibangkitkan mematuhi ketetapan serta undang-undang percukaian, agar taksiran yang dikeluarkan adalah kukuh dan dapat dipertahankan sekiranya kes tersebut dikemukakan ke Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan (PKCP)," tambah beliau.



**Jadual 1** Kutipan cukai langsung bagi tahun 1999, 2000, 2009 dan 2019.

Tahun	Kutipan Cukai Langsung (RM Bilion)
1999	27.047
2000	29.167
2009	88.40
2019	145.110

LHDNM juga sentiasa mengambil langkah seiring dengan cadangan OECD (*Organisation for Economic Co-operation and Development*) bagi mengadakan perbincangan dan dialog antara LHDNM bersama-sama pemain industri, ejen cukai, pihak berkuasa cukai luar negara serta pihak berkepentingan. LHDNM juga perlu memantau perkembangan kes-kes auditan luar negara terhadap platform syarikat e-dagang kerana kes-kes tersebut berkaitan rapat dengan isu ekonomi digital dan ekonomi bayangan.

“Pengumpulan data berhubung syarikat multinasional berkaitan dengan ekonomi

digital dan mengenal pasti syarikat baharu yang berpotensi besar dapat membantu LHDNM untuk merangka dan mengemukakan cadangan penambahbaikan polisi dan undang-undang percukaian berkaitan dengan ekonomi tersebut. Keupayaan Pelan Transformasi Hasil yang sedang dibangunkan oleh LHDNM yang mempunyai keupayaan data analitik dan *artificial intelligence* diharap dapat mengesan dan membawa masuk ekonomi bayangan dalam jaringan LHDNM, serta dapat mengenalpasti kes-kes berprofil tinggi yang terlibat dalam pelarian cukai dan tidak melaporkan pendapatan kepada LHDNM.”

Peranan yang dimainkan oleh badan profesional dan pengamal percukaian juga amat penting dan LHDNM membuat *engagement* dengan badan ini secara berkala melalui sesi dialog, seminar, mesyuarat, dan sebagainya. LHDNM ada menyediakan ruang untuk membolehkan bakal ejen cukai dan pengamal percukaian meningkatkan kompetensi teknikal percukaian. Akademi Percukaian Malaysia mengadakan program “*learning from expert*” yang memberikan peluang kepada orang luar untuk mengikuti sesi-sesi percukaian tertentu. Selain itu, program Skim Latihan Khas memberikan peluang kepada bumiputera untuk menceburi kerjaya percukaian sebagai ejen cukai di bawah S153 ACP 1967.

Berkaitan dengan transformasi dalam sistem pungutan cukai negara melalui khidmat dalam talian seperti e-filing dan sebagainya, ternyata langkah LHDNM melaksanakan Sistem Taksir Sendiri (STS) berdasarkan konsep “Taksir Sendiri, Fail dan Bayar” mulai Tahun Taksiran 2001 bagi pembayar cukai kategori syarikat dan Tahun Taksiran 2004 bagi pembayar cukai kategori selain syarikat, serta pengenalan perkhidmatan dalam talian seperti e-filing dan bayaran secara dalam talian, memberikan impak yang positif dari segi kesedaran cukai dalam kalangan rakyat dan kutipan cukai langsung negara.

“Perkara ini dapat dibuktikan melalui peningkatan bilangan borang nyata cukai yang diterima dan taksiran cukai yang dibangkitkan saban tahun. Misalnya, pada tahun 2000, iaitu di bawah sistem taksiran yang lama, LHDNM

**Jadual 2** Kutipan cukai langsung mengikut komponen utama (RM bilion).

Tahun	2002	2005	2008	2011	2015	2017	2018	2019
<b>Komponen Cukai</b>								
Syarikat	27.383	28.058	46.90	55.081	71.098	68.801	70.036	70.981
Individu	7.109	10.222	14.35	19.383	28.276	31.901	36.065	41.850
Petroleum	7.636	14.676	24.19	27.747	11.636	11.760	20.082	20.783
Duti Setem	1.770	2.485	3.50	4.939	6.016	5.670	5.934	6.212
Lain-lain	0.426	1.413	1.71	2.459	4.209	5.179	4.918	5.284
<b>Jumlah</b>	<b>44.32</b>	<b>56.85</b>	<b>90.65</b>	<b>109.60</b>	<b>121.23</b>	<b>123.31</b>	<b>137.03</b>	<b>145.110</b>

hanya mampu membangkitkan taksiran cukai sebanyak 1.913 juta, dengan amaun taksirannya RM10.202 bilion. Namun demikian, apabila STS diperkenalkan pada tahun 2001, bilangan taksiran yang berjaya dibangkitkan naik kepada 2.227 juta dengan amaun taksirannya RM25.828 bilion. Yang lebih membanggakan ialah kutipan cukai langsung pada tahun 2001 turut meningkat dengan mendadak, iaitu 43.29 peratus, daripada RM29.167 bilion pada tahun 2000 kepada RM41.794 bilion pada tahun 2001 (berdasarkan Laporan Tahunan 2001 LHDNM). Trend peningkatan ini diteruskan pada tahun 2004 dan sehingga kini apabila STS bagi pembayar cukai selain syarikat pula dilaksanakan." Dato' Sri Dr. Sabin menerangkan dengan lebih lanjut.

Inisiatif pengenalan perkhidmatan elektronik terutamanya e-filing dan bayaran cukai dalam talian turut meningkatkan keyakinan rakyat untuk menjalankan tanggungjawab mereka membayar cukai kerana kaedah ini ternyata memudahkan urusan mereka mengisytiharkan pendapatan dan membuat pembayaran. Daripada hanya sekitar 190 ribu borang nyata cukai yang diterima pada tahun 2006, iaitu ketika e-filing mula diperkenalkan, kini sehingga 31 Disember 2019 kaedah e-filing telah merekodkan penerimaan borang nyata cukai melebihi 5.813 juta borang.

Sementara itu, bagi kemudahan bayaran cukai secara dalam talian atau e-Bayaran pula, lebih 970 ribu transaksi direkodkan sepanjang tahun 2019 berbanding dengan hanya sekitar 33 ribu transaksi pada tahun 2010. Ringkasnya, angka-angka ini jelas membuktikan bahawa

rakyat dapat menerima dengan baik setiap inisiatif dan pembaharuan yang sentiasa dilaksanakan oleh LHDNM.

Dalam tempoh 20 tahun sistem percukaian mengalami fasa pemodenan dan transformasi, LHDNM berjaya merekodkan peningkatan lebih 436 peratus dalam angka kutipan cukai langsung, iaitu daripada hanya RM27.047 bilion pada tahun 1999 kepada RM145.110 bilion pada tahun 2019.

"Jika dilihat perbandingan mengikut komponen cukai langsung pula, dalam tempoh dua dekad ini, komponen cukai pendapatan syarikat termasuklah cukai multinasional meningkat sekitar 159 peratus daripada RM27.383 bilion pada tahun 2002 kepada RM70.984 bilion pada tahun 2019. Bagi komponen cukai pendapatan individu pula, dicatatkan peningkatan sekitar 488 peratus daripada RM7.109 bilion pada tahun 2002 kepada RM41.844 billion pada tahun 2019," ujarnya.

Secara perbandingan, kutipan cukai langsung mengikut komponen utama untuk tempoh beberapa tahun belakangan ini adalah seperti Jadual 2. Angka-angka dalam Jadual 2 jelas mencerminkan keberkesanan usaha transformasi dan perancangan strategik LHDNM dan kerajaan selama ini.

Sebagai langkah proaktif dalam konteks situasi menang - menang antara LHDNM dengan pembayar cukai, pentadbir cukai negara ini menyedari hakikat bahawa proses pelibatan awam (*engagement*) adalah amat penting agar kesedaran cukai dalam kalangan rakyat dapat ditingkatkan. Begitu juga dengan

**Jadual 3** Kadar pematuhan pengemukaan BNCP bagi Tahun Taksiran 2018

Bil.	Kategori Pembayar	Cukai Pematuhan BNCP (%)
1.	Individu	95.20
2.	Syarikat	84.17
3.	Majikan	84.17

proses pengisytiharan cukai oleh rakyat mestilah dipermudah agar rakyat tidak rasa terbeban dalam usaha mereka menjalankan tanggungjawab membayar cukai.

“Kami faham bahawa tidak ada seorang pun yang suka dikenakan tindakan penguatkuasaan cukai oleh LHDNM. Malah kami turut percaya setiap daripada pembayar cukai sentiasa ingin memastikan mereka membayar cukai yang sepatutnya. Sehubungan dengan itu, LHDNM terus berusaha memenuhi harapan rakyat ini dengan mengambil beberapa inisiatif yang boleh dilihat kesannya dalam tempoh jangka pendek, jangka sederhana mahupun jangka panjang,” katanya.

Untuk itu, antara inisiatif terkini yang diperkenalkan bagi meningkatkan pemahaman rakyat tentang cukai serta peranan mereka termasuklah HASiL Live Chat. HASiL Live Chat ini merupakan platform interaksi secara langsung yang dibangunkan oleh LHDNM sebagai usaha untuk menyelesaikan isu-isu percukaian dengan lebih bersepadu dan lancar.

Menerusi ruangan sembang ini, pembayar cukai boleh berinteraksi dengan pegawai LHDNM yang ditugaskan khusus untuk menjawab soalan yang berkaitan dengan percukaian daripada pembayar cukai. Platform ini beroperasi dari pukul 9.00 pagi hingga pukul 5.00 petang dan dikendalikan oleh pegawai dari Pusat Panggilan LHDNM atau *Hasil Care Line* secara sepenuh masa. Inisiatif HASiL Live Chat ini adalah sebagai tambahan kepada perkhidmatan yang ditawarkan oleh *Hasil Care Line* dan sesi penerangan terus melalui medium taklimat, seminar dan persidangan yang dianjurkan oleh LHDNM.

Di samping itu, pada tahun ini LHDNM turut mengeluarkan panduan yang dikenali sebagai LHDNM *Taxpayer Roadmap* yang bertujuan memberikan panduan umum

kepada rakyat khususnya pembayar cukai berkenaan pentadbiran cukai pendapatan di LHDNM. LHDNM *Taxpayer Roadmap* yang mengandungi ringkasan prosedur dan proses kerja di LHDNM ini merangkumi aspek undang-undang percukaian, proses audit dan siasatan serta prosedur rayuan, pungutan dan litigasi percukaian.

Hal ini juga boleh dikatakan sebagai kaedah memberikan jaminan dan meningkatkan kepercayaan pembayar cukai terhadap ketelusan setiap tindakan yang diambil oleh LHDNM. *Taxpayer Roadmap* ini bertujuan untuk melengkapi semua rangka kerja, garis panduan dan ketetapan umum yang boleh dirujuk oleh pembayar cukai melalui laman web rasmi LHDNM, iaitu [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my).

Selain itu, seperti yang dimaklumkan sebelum ini, LHDNM akan terus meningkatkan keupayaan perkhidmatan elektronik melalui inisiatif terkini yang dirangkumkan dalam Pelan Transformasi Hasil. Pelan ini akan melibatkan pemodenan infrastruktur dan keselamatan siber di LHDNM dengan tujuan untuk meningkatkan kecekapan pelaksanaan tugas di LHDNM agar fokus memberikan perkhidmatan yang berkualiti dan memenuhi jangkaan pelanggan dapat dilakukan.

Bersesuaian dengan visi LHDNM untuk terus relevan menjadi “Pentadbir Cukai Terunggul yang Menyumbang kepada Pembangunan Negara”, agensi ini meletakkan harapan agar LHDNM akan terus meningkatkan kecekapannya untuk menjadi ejen kutipan hasil kepada kerajaan dan memberjkan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat.

“Pada masa yang sama, elemen pendidikan serta kesedaran cukai hendaklah sentiasa diperkasakan dalam usaha kami melahirkan masyarakat yang benar-benar memahami fungsi percukaian terhadap kemajuan ketamadunan sesebuah negara, sekali gus meningkatkan kadar kepatuhan dalam kalangan rakyat. LHDNM juga mestilah mampu mengadaptasi diri dengan persekitaran semasa agar tidak ketinggalan, sama ada dari segi teknologi ataupun maklumat percukaian. Yang pasti, LHDNM harus kekal relevan pada setiap masa,” ujar Dato’ Sri Dr. Sabin.

# Karisma Seorang Sabin Samitah

Oleh JUNAIDAH AHMAD GHAZALI



Foto: mstar.com.my

**SEBAGAI** Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM), beliau menaruh harapan yang tinggi agar masyarakat negara ini, khususnya pembayar cukai memberikan sokongan yang padu kepada usaha yang dilakukan oleh LHDNM untuk memastikan undang-undang cukai di negara ini dapat dilaksanakan berdasarkan prinsip kedaulatan undang-undang.

Hal ini dikatakan demikian kerana tanpa sokongan daripada masyarakat kepada LHDNM untuk melaksanakan undang-undang di negara ini, adalah sukar bagi agensi mencapai hasrat dan tanggungjawab yang diamanahkan oleh kerajaan kepada LHDN.

"Di negara maju, kerajaan mereka mendapat sokongan yang cukup padu untuk memastikan undang-undang di negara tersebut dapat dilaksanakan dengan adil dan saksama. Bagi LHDNM pula, saya berjanji LHDNM akan terus berusaha untuk memastikan kecemerlangan organisasi kami dan menjalankan tanggungjawab dengan baik dan telus seperti yang telah diamanahkan oleh kerajaan Malaysia." Demikian ujar Dato' Sri Dr.

Sabin Samitah, menyerlahkan karismanya sebagai peneraju agensi percukaian negara yang penting dan menjadi nadi hasil pendapatan negara.

Dato' Sri Dr. Sabin dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM pada Disember 2016. Beliau telah berkhidmat pada kapasiti kanan dalam semua teras fungsi pentadbiran cukai selama lebih daripada 30 tahun di LHDNM. Beliau berkhidmat selama 15 tahun sebagai Pegawai Penyiasat sebelum dilantik sebagai Pengarah Jabatan Siasatan.

Beliau juga pernah memegang jawatan pengurusan sebagai Pengarah Negeri dan Pengarah Cawangan. Sebelum pelantikannya sebagai Ketua Pegawai Eksekutif, Dato' Sri Dr. Sabin memegang jawatan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi Cukai).

Dato' Sri Dr. Sabin Samitah yang merupakan pemegang Doktor Falsafah daripada Universiti Utara Malaysia (UUM) turut memegang Sijil Kepimpinan Kanan daripada Razak School of Government yang berkolaborasi dengan Universiti Oxford dan Harvard Business School. Beliau kini merupakan Ahli Felow Institut Cukai Berkanun Malaysia. •

